

Kertas Pendirian berhubung
Pengecualian A- daripada Gred A dalam SPM 2024

Dibentangkan oleh

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong
Presiden Malaysian Chinese Association (MCA)

30 Mei 2025



Ringkasan Eksekutif

Saban tahun peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah mengklasifikasikan gred A+, A dan A- sebagai sebahagian kategori Gred A. Oleh itu, pentakrifan semula kategori Gred A dalam SPM 2024 secara *ad-hoc* oleh Kementerian Pendidikan (KPM) baru-baru ini, khususnya dalam pengecualian A- daripada kategori Gred A telah mencetuskan kebimbangan di kalangan rakyat.

Langkah ini dilaksanakan secara mendadak dan tidak telus telah membangkitkan persoalan berkenaan kualiti serta merit A- untuk tahun ini berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Malah, ia bercanggah dengan komitmen kerajaan terhadap prinsip meritokrasi, susulan pengumuman Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 30 Jun 2024 yang menjamin tawaran matrikulasi secara automatik kepada semua lepasan SPM dengan keputusan 10A ke atas.

Pertukaran dasar dan pendefinisian semula kategori Gred A untuk tawaran automatik ke program matrikulasi ini juga telah disahkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan sendiri menerusi satu hantaran dalam laman Facebook beliau pada 9 Mei 2025 dan ia bakal menjejaskan masa depan pelajar yang berprestasi baik dari semua kaum dan golongan sosioekonomi yang berlainan, khususnya mereka yang terpaksa mengharungi cabaran berbeza dalam perancangan pelanjutan pendidikan masing-masing.

Tambahan, sehingga hari ini kerajaan masih belum menangani isu kegusaran pelajar lepasan SPM yang berjaya mencapai keputusan 9A+ dalam semua subjek yang diambil daripada menerima tawaran automatik ke matrikulasi walaupun mereka berjaya mencapai prestasi akademik yang cemerlang.

Malaysian Chinese Association (MCA) berpendirian bahawa pertukaran dasar sewenang-wenangnya kepada cara penilaian gred dan peperiksaan negara, serta dasar kemasukan matrikulasi ini amat membimbangkan. Pengecualian A- dari kategori Gred A juga disifatkan sebagai langkah terburu-buru tanpa rundingan dan libat urus yang secukupnya.

Penukaran dasar ini adalah satu keputusan pentadbiran yang tidak adil dan tidak menepati prinsip keadilan, ketelusan dan kemajuan berasaskan meritokrasi. Tindakan KPM bakal membawa implikasi yang besar, dari gangguan perancangan pendidikan

dan tekanan emosi kepada pelajar dan ibu bapa, serta kehilangan keyakinan rakyat terhadap sistem pendidikan negara.

Justeru, MCA menggesa agar perubahan dasar ini dibatalkan dan penjelasan diberi oleh Menteri Pendidikan segera. Langkah-langkah kukuh juga harus dilaksanakan bagi memastikan pendefinisian semula kategori gred secara sewenang-wenangnya seperti ini tidak akan berulang lagi di masa hadapan.

Kertas Pendirian ini yang menggariskan pendirian MCA adalah berdasarkan kajian daripada Institute of Strategic Analysis & Policy Research (INSAP) bagi menetengahkan isu-isu yang dihadapi oleh pelajar lepasan SPM 2024 yang disokong data dan maklumat, serta cadangan dasar bagi tujuan penambahbaikan jangka panjang kepada sistem pendidikan negara.

Mengapa Isu ini Penting

Peperiksaan SPM di Malaysia bukan sahaja satu pencapaian akademik, tetapi ia juga berfungsi sebagai langkah permulaan kepada pengajian tinggi, permohonan biasiswa dan peluang kerjaya seseorang. Keputusan yang diperoleh dalam peperiksaan ini akan menentukan kelayakan lepasan SPM untuk memasuki program pra-universiti yang ditawarkan kerajaan seperti matrikulasi dan juga menentukan sebarang bantuan kewangan daripada institusi pendidikan awam ataupun swasta.

Pada 30 Jun 2024, Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan bahawa semua pelajar yang memperoleh keputusan 10A ke atas di dalam SPM akan diberi tawaran ke program matrikulasi secara automatik tanpa mengambil kira kaum dan latar belakang mereka.¹ Pengumuman beliau diraikan sebagai langkah penting ke arah keadilan pendidikan dan inklusiviti yang lebih meluas.

Namun begitu, pekililing daripada Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 30 April 2025 yang telahpun disahkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan menerusi hantaran di laman Facebook beliau pada 9 Mei 2025 telah

¹ <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/30/all-spm-students-with-10as-to-get-matriculation-spots-says-pm>

menunjukkan pendefinisian semula kategori Gred A untuk tawaran automatik ke program matrikulasi bagi sesi 2025/2026 untuk hanya merangkumi A+ dan A.

Pengecualian A- daripada kategori Gred A secara tiba-tiba bukan sahaja memberi implikasi kepada pengambilan program matrikulasi tetapi kepada institusi pendidikan yang lain dan pihak KPM perlu memberi penjelasan yang terperinci.

Andaikan institusi pendidikan awam lain masih mengiktiraf A- sebagai gred A dalam kriteria kemasukan masing-masing, maka perubahan dasar oleh KPM untuk mendefinisikan semula A- ini menimbulkan perbezaan dalam pengambilan program matrikulasi dengan institusi pendidikan yang lain, dan ini bakal mewujudkan kekeliruan serta persepsi tidak adil di kalangan pelajar dan ibu bapa, secara langsung mewujudkan tanggapan “satu negara, dua sistem”.

Ia juga membangkitkan satu persoalan penting: Sekiranya institusi pengajian tinggi awam yang lain terus mengiktiraf A- sebagai kategori Gred A atau “Cemerlang”, mengapa pula program matrikulasi di bawah KPM mengecualikannya? Dasar yang tidak konsisten ini menjejaskan kesepaduan di dalam sistem pendidikan negara.

Akibatnya, beribu-ribu pelajar yang percaya bahawa mereka telah mencapai keputusan 10A dalam SPM 2024 yang melayakkan mereka untuk memasuki program matrikulasi kini sudah tidak layak disebabkan pendefinisian semula secara senyap-senyap ini.

Pendefinisian semula ini bukan satu langkah teknikal semata-mata. Sebaliknya, ia bakal menjejaskan masa depan para pelajar dan keluarga mereka, menghakis keyakinan rakyat terhadap sistem pendidikan negara dan menimbulkan syak wasangka terhadap masalah komunikasi serta ketelusan dalam penggubalan dasar.


A- masih diiktiraf sebagai sebahagian kategori Gred A pada tahun lepas untuk tawaran ke program matrikulasi secara automatik, namun begitu, disebabkan pertukaran dasar pada tahun ini, ia telah dikecualikan. Ini menimbulkan kekeliruan berkenaan prestasi akademik yang sebelum ini dianggap sebagai cemerlang, tetapi hari ini disifatkan tidak lagi cemerlang, malah tidak layak langsung. Sekiranya kerajaan berhadapan masalah menampung jumlah pelajar cemerlang yang tinggi, ia seharusnya menangani isu kapasiti secara telus dan bukannya menukarkan syarat kelayakan secara senyap-senyap. Keputusan sewenang-wenangnya ini bukan sahaja menjejaskan keyakinan

rakyat terhadap sistem pendidikan negara, tetapi ia juga memberi tekanan kepada Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk menjustifikasi dasar baharu ini.

MCA telah mengambil pendirian ini bukan sekadar untuk memperjuangkan hak dan kepentingan pelajar yang terjejas sahaja, tetapi bagi mempertahankan prinsip bahawa “tiang gol” tidak boleh dialihkan sewenang-wenangnya dan secara *ad-hoc* selepas pelajar telah menduduki peperiksaan tersebut. Ini bukanlah isu politik tetapi ianya merupakan isu yang lebih besar mengenai penilaian kompetensi calon peperiksaan awam dan pemarkahan (*grading*) SPM dalam sistem pendidikan negara.

Latar Belakang Kontroversi Dasar

Kronologi peristiwa yang membawa kepada kontroversi ini penting untuk memahami keseriusan isu ini:



Sumber: <https://bernama.com/en/news.php?id=2312855>

30 Jun 2024

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan bahawa semua lepasan SPM yang memperoleh keputusan 10A ke atas akan diberi tawaran ke

program matrikulasi tanpa mengira kaum. Langkah ini diraikan sebagai langkah penting ke arah meritokrasi yang lebih meluas.²



Sumber: <https://web.facebook.com/umany2001/posts/ministry-of-educations-reform-fails-u-turn-on-10a-policyumany-a-unified-universi/1089080226583731/>

30 April 2025

Kementerian Pendidikan mengeluarkan pekeliling dalaman bertarikh 30 April 2025 yang mendefinisikan semula kategori Gred A. Kini, A- yang sebelum ini dikategorikan sebagai “Cemerlang” bersamaan A dan A+, telah dikecualikan dari definisi baharu ini dalam menentukan kelayakan untuk tawaran automatik ke program matrikulasi.

Menurut pekeliling tersebut, kelayakan bagi tawaran automatik ke program matrikulasi KPM perlu memenuhi 4 kriteria utama:

- a. Mereka harus memperoleh sekurang-kurangnya 10A ke atas di dalam peperiksaan SPM tanpa mengambil kira agama, latar belakang ataupun aliran pendidikan;

² <https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/30/all-spm-students-with-10as-to-get-matriculation-spots-says-pm>

- b. Keputusan mereka harus merangkumi Gred A (A+ atau A) dalam sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran merit;
- c. Mereka harus memenuhi keperluan am dan khusus yang ditentukan program ini; dan
- d. Mereka harus memohon ke program matrikulasi.³



Sumber: <https://www.facebook.com/wongkahwoh>

9 Mei 2025

Pertukaran dasar ini secara tiba-tiba kemudian disahkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, YB Wong Kah Woh dalam hantaran Facebook beliau bertarikh 9 Mei 2025 yang menjustifikasikan langkah ini sebagai “penyelarasan oleh KPM”.⁴

Keputusan mengecualikan A- secara sewenang-wenangnya tidak dimaklumkan secara umum dan hanya terbongkar apabila persatuan pelajar seperti UMANY membantah, dan para ibu bapa serta masyarakat mengetengahkan isu ini.

³ <https://www.facebook.com/photo/?fbid=1089080186583735&set=pcb.1089080226583731>

⁴ <https://www.facebook.com/share/p/18ePHqk9Jf/>

Kekeliruan Awam yang Berterusan

Laporan keputusan SPM 2023 (rujuk petikan di bawah) menunjukkan bahawa “Semua A” adalah untuk lepasan SPM yang memperoleh kombinasi A+, A dan A- sahaja, dan semua gred ini dikategorikan sebagai “Cemerlang” sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Pencapaian Calon	Keterangan Pencapaian
Semua A	Calon mendapat kombinasi gred A+, A dan A- sahaja
Sekurang-kurangnya Kepujian	Calon mendapat kombinasi gred A+/A/A- dan B+/B/C+/C
Sekurang-kurangnya Lulus	Calon mendapat kombinasi gred A+/A/A-/B+/B/C+/C/D dan E
Sekurang-kurangnya Gagal 1 Mata Pelajaran	Calon mendapat kombinasi gred A+/A/A-/B+/B/C+/C/D/E dan G
Semua Gagal	Calon mendapat gred G untuk semua mata pelajaran
Lain-Lain Kombinasi Gred	Calon mendapat kombinasi gred A+/A/A-/B+/B/C+/C/D/E/G dan T

Jadual 2: Keterangan Pencapaian Calon

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2023 DAN 2022 ANALISIS MATA PELAJARAN DAN GRED PURATA MATA PELAJARAN (GPMP) PERINGKAT NASIONAL (Calon Baharu yang Mendaftar Sekurang-kurangnya Enam Mata Pelajaran)									
Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+—E	Gagal G		
1103	Bahasa Melayu	2023	32.7	49.8	15.0	97.5	2.5	372,257	3.86
		2022	31.9	49.0	16.5	97.4	2.6	370,837	3.95
		Beza	0.8	0.8	-1.5	0.1	-0.1	1,420	-0.1
1119	Bahasa Inggeris	2023	27.2	32.1	29.5	88.8	11.2	369,674	4.94
		2022	24.8	33.0	27.9	85.7	14.3	368,351	5.13
		Beza	2.4	-0.9	1.6	3.1	-3.1	1,323	-0.2
1223	Pendidikan Islam	2023	30.2	52.1	6.8	89.1	10.9	220,163	4.11
		2022	31.8	49.3	7.7	88.8	11.2	216,998	4.12
		Beza	-1.6	2.8	-0.9	0.3	-0.3	3,165	-0.01
1225	Pendidikan Moral	2023	28.1	43.8	8.7	80.6	19.4	111,570	4.66
		2022	25.8	44.0	10.3	80.1	19.9	114,270	4.86
		Beza	2.3	-0.2	-1.6	0.5	-0.5	-2,700	-0.20

Sumber:

<https://lp.moe.gov.my/files/spm/2024/Laporan%20Analisis%20Keputusan%20SPM%202023.pdf>

Selain itu, garis panduan KPM bagi keputusan SPM 2024 yang dikeluarkan pada 21 April 2025 (rujuk petikan di bawah), iaitu hanya beberapa hari sebelum pekeliling KPM yang bertarikh 30 April 2025, masih mendefinisikan A- sebagai “Cemerlang”, sementara A adalah “Cemerlang Tinggi” dan A+ adalah “Cemerlang Tertinggi”.

Garis panduan ini mendahului pengumuman rasmi keputusan SPM 2024 pada 24 April 2025, dan pekeling kontroversi yang bertarikh 30 April 2025.⁵

TAKRIFAN GRED PADA SLIP KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)																							
1. Takrifan gred pada slip keputusan peperiksaan adalah seperti berikut:																							
<table><tr><th>Gred</th><th>Takrif</th></tr><tr><td>A+</td><td>Cemerlang Tertinggi</td></tr><tr><td>A</td><td>Cemerlang Tinggi</td></tr><tr><td>A-</td><td>Cemerlang</td></tr><tr><td>B+</td><td>Kepujian Tertinggi</td></tr><tr><td>B</td><td>Kepujian Tinggi</td></tr><tr><td>C+</td><td>Kepujian Atas</td></tr><tr><td>C</td><td>Kepujian</td></tr><tr><td>D</td><td>Lulus Atas</td></tr><tr><td>E</td><td>Lulus</td></tr><tr><td>G</td><td>Gagal</td></tr></table>	Gred	Takrif	A+	Cemerlang Tertinggi	A	Cemerlang Tinggi	A-	Cemerlang	B+	Kepujian Tertinggi	B	Kepujian Tinggi	C+	Kepujian Atas	C	Kepujian	D	Lulus Atas	E	Lulus	G	Gagal	
Gred	Takrif																						
A+	Cemerlang Tertinggi																						
A	Cemerlang Tinggi																						
A-	Cemerlang																						
B+	Kepujian Tertinggi																						
B	Kepujian Tinggi																						
C+	Kepujian Atas																						
C	Kepujian																						
D	Lulus Atas																						
E	Lulus																						
G	Gagal																						
2. Keputusan ditahan/dibatalkan;																							
2.1	Catatan " Keputusan ditahan " menerangkan calon berkenaan disyaki telah melakukan salah laku semasa peperiksaan dan keputusan hanya dikeluarkan selepas siasatan selesai dijalankan.																						
2.2	Catatan " Keputusan dibatalkan " menerangkan calon terbukti melakukan salah laku dan ditanda dengan 'X' dalam slip keputusan peperiksaan.																						
3. Keputusan 'T';																							
Catatan " Keputusan T " menerangkan calon tidak hadir kertas yang diduduki sama ada keseluruhan kertas atau sebahagian kertas.																							

Sumber:

https://jpnperak.moe.gov.my/images/lampiran/JPNPERAK/Sektor%20Peperiksaan/Pengumuman/21042025/SURAT_GARIS_PANDUAN_PENGURUSAN_PENGELUARAN_KEPUTUSAN_PEPERIKSAAN.pdf



Sumber: <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2416308>

Malah, sidang media oleh Ketua Pengarah Pendidikan Azman Adnan pada 24 April mengenai pengumuman keputusan SPM 2024 turut menetapkan A- sama taraf seperti Gred A dan A+, iaitu “Cemerlang”.⁶

Namun, laporan rasmi keputusan SPM 2024 tidak diterbitkan secara umum di dalam laman web akibat kontroversi kesilapan cetakan Jalur Gemilang.⁷ Ketiadaan komunikasi yang jelas ataupun alasan yang diberi terhadap pengecualian A- menjejaskan kredibiliti sistem pemarkahan dan menimbulkan keraguan serius terhadap proses tadbir urus.

⁶ https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/24/spm-2024-posts-best-results-since-2013-with-more-students-scoring-straight-as-says-education-d-g/174285#google_vignette

⁷ <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/24/education-ministry-apologises-for-wrongly-printed-malaysian-flag-in-spm-report-vows-probe-and-punishment/174330>

Data Perbandingan dan Kesan ke Atas Dasar

1. Trend Pelajar Keputusan A Penuh (*Straight A*) dari SPM 2020-2024

Tahun	Jumlah calon SPM	Keputusan A penuh (A+, A, A-)	Takrifan Gred A
2020	381,894	9,411	A+,A,A-
2021	382,156	9,696	A+,A,A-
2022	373, 974	10,109	A+,A,A-
2023	373, 525	11,713	A+,A,A-
2024	402, 956	14,179	A+,A,A- (A- dikecualikan selepas pekeliling KPM)

Sumber: <https://lp.moe.gov.my/index.php/laporan-analisis-keputusan>

Jumlah pelajar yang mendapat keputusan A penuh dalam SPM telah meningkat secara berterusan sejak lima tahun lalu, dari 9,411 pada 2020 kepada 14,719 pada 2024. Ini adalah tanda peningkatan prestasi akademik dan juga persaingan yang sengit untuk peluang lepasan SPM yang semakin terhad.

2. Senario Perbandingan

Senario A (Perbandingan dalam tahun yang sama, SPM 2024)

Pelajar A: 1 A+, 9 A (Jumlah 10A selepas pekeliling KPM mengecualikan A-)

Ditawarkan secara automatik ke matrikulasi kerana semua gred termasuk dalam definisi kategori Gred A baharu.

Pelajar B: 8 A+, 1 A, 1 A- (Jumlah 10A sebelum pekeliling KPM tetapi kini dianggap 9A selepas pekeliling KPM mengecualikan A-)

Hilang kelayakan untuk tawaran automatik kerana memperolehi 1 A- walaupun mempunyai keputusan yang jauh lebih tinggi.

Perbandingan ini mendedahkan kelemahan besar dalam pendefinisian baharu ini. Pelajar B yang memperoleh 8A+ tidak layak hanya kerana memperoleh 1 A-,

manakala Pelajar A diberi tawaran walaupun hanya memperolehi 1 A+. Dasar ini mengabaikan kecemerlangan keseluruhan dan sebaliknya menerima keputusan tanpa A-, walaupun prestasi akademiknya lebih baik.

Perkara ini menjejaskan kemasukan berasaskan merit, bercanggah dengan janji matrikulasi 10A oleh kerajaan dan melemahkan semangat pelajar yang berusaha mencapai kecemerlangan akademik. Ia menghantar mesej yang salah bahawa masa atau tarikh peperiksaan dan pendefinisian semula gred lebih diutamakan berbanding keputusan sebenar.

Senario B (Perbandingan antara SPM 2023 dan SPM 2024):

Pelajar A (SPM 2023): 4 A+, 4 A, 2 A- (Jumlah 10A)

Layak untuk ditawarkan program matrikulasi secara automatik kerana A- masih diterima sebagai sebahagian daripada kategori Gred A.

Pelajar B (SPM 2024): 8 A+, 1 A, 1 A- (Jumlah 10A sebelum pekeliling KPM, tetapi kini dianggap 9A selepas pekeliling KPM)

Tidak layak disebabkan mempunyai 1 A- yang tidak lagi dikira sebagai kategori Gred A di bawah dasar baharu.

Senario ini telah menunjukkan satu perbezaan dasar yang membimbangkan. Pelajar A, dengan kurang bilangan A+ dan lebih A-, layak semata-mata kerana dasar pendefinisian gred pada tahun 2023 lebih inklusif. Manakala Pelajar B, walaupun menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang, dihukum secara tidak adil akibat perubahan dasar selepas peperiksaan.

Perbezaan antara kumpulan pelajar seperti ini adalah tidak adil, mengabaikan pencapaian merit akademik sebenar dan menghakis keyakinan terhadap sistem pendidikan negara. Ia bercanggah dengan janji oleh kerajaan untuk menawarkan program matrikulasi secara automatik kepada mereka yang berjaya mencapai keputusan 10A dan menghukum pelajar bukan kerana prestasi lemah, tetapi kerana tahun kelahiran mereka, menerusi tindakan pentadbiran yang diambil sewenang-wenangnya.

3. Anggaran Kerugian Peluang (Opportunity Loss) pada 2024

Tahun	Keputusan A penuh	Anggaran ketidaklayakan jika pengecualian A- diteruskan
2020	9,411	0 (A- tidak dikecualikan)
2021	9,696	0 (A- tidak dikecualikan)
2022	10,109	0 (A- tidak dikecualikan)
2023	11,713	0 (A- tidak dikecualikan)
2024	14,179	4,680 (A- dikecualikan) (Anggaran 33% pelajar keputusan A penuh terjejas)

Walaupun KPM masih belum memperincikan butiran pengagihan gred di kalangan pelajar yang mendapat keputusan A penuh bagi SPM 2024, khususnya berapa ramai yang memperolehi A-, namun boleh dianggarkan bahawa sekurang-kurangnya satu pertiga atau 33% daripada pelajar ini akan mendapat sekurang-kurangnya 1 A- berdasarkan trend sebelum ini.

Anggaran secara kasar ini mengambil kira pengagihan gred tertinggi (A+, A dan A-) yang lazimnya seimbang dalam kalangan pelajar cemerlang. Walaupun menggunakan unjuran yang konservatif, perubahan dasar ini berpotensi menjejaskan ribuan calon yang memenuhi penanda aras 10A tetapi kini tidak layak hanya disebabkan gred A-.

Pelajar-pelajar ini sebelum ini layak ditawarkan program matrikulasi secara automatik, kini tidak layak disebabkan perubahan dasar, secara langsung menafikan peluang mereka untuk menerima biasiswa dan tawaran program pra-universiti. Ini mewujudkan ketidakadilan antara lepasan SPM dan menghakis keyakinan rakyat terhadap sistem pendidikan negara.

Perbandingan Pengiktirafan Gred A- bagi Kemasukan Universiti di Luar Negara

Negara	Ujian / Sistem	Penggunaan Gred A-	Penjelasan
Malaysia	SPM (Sijil Pelajaran Malaysia)	Ya	Sebelum ini definisi sebagai cemerlang, perubahan polisi baharu (melalui edaran surat pekeliling bertarikh 30 April 2025) telah mengklasifikasikan A- tidak lagi tergolong di dalam kategori Gred A.
USA	PNGK Sekolah Menengah	Ya	A- bersamaan dengan PNGK 3.7, yang lazim digunakan dalam kemasukan ke kolej. ⁸
Kanada	Peperiksaan Negeri & PNGK Sekolah Menengah	Ya	A- kebiasaanya mewakili 80–84%, dan diambil kira dalam kemasukan ke universiti. ⁹
Australia	HSC (NSW), VCE (Victoria), ATAR	Ya	Beberapa negeri menggunakan A- secara dalaman; universiti mempertimbangkan ATAR atau skor mentah. ¹⁰
Taiwan	GSAT (Ujian Keupayaan Akademik Am)	Ya	GSAT Taiwan tidak menggunakan gred huruf secara langsung, tetapi A- adalah sebahagian daripada sistem gred huruf yang digunakan dalam kemasukan universiti. ¹¹

⁸ <https://www.timeshighereducation.com/student/advice/what-gpa>

⁹ <https://amberstudent.com/blog/post/canada-grading-system>

¹⁰ <https://www.matrix.edu.au/part-3-how-the-vce-atar-is-calculated/>

¹¹

<https://www.aca.ntu.edu.tw/WebUPD/acaEN/UAADForms/NationalTaiwanUniversityAcademicGradingGuide.pdf>

Thailand	TCAS (Sistem Kemasukan Pusat Universiti Thailand)	Ya	A- diiktiraf dalam skala gred untuk kemasukan universiti. ¹²
UK	A-Levels	Tidak	Skala gred merangkumi A*, A, B, dan sebagainya; A- tidak digunakan. ¹³
Singapura	A-Levels (format Cambridge)	Tidak	Skala gred merangkumi A, B, dan sebagainya; A tidak digunakan. ¹⁴
China	Gaokao	Tidak	Markah menggunakan angka; gred huruf seperti A- tidak digunakan. ¹⁵
Korea Selatan	CSAT (Ujian Keupayaan Skolastik Kolej)	Tidak	Menggunakan sistem gred berdasarkan peratusan; gred huruf seperti A- tidak digunakan. ¹⁶
Jepun	"Ujian Pusat Nasional / Ujian khusus universiti"	Tidak	Markah menggunakan angka; gred huruf seperti A- tidak digunakan. ¹⁷

Penggunaan A- dalam sistem pemarkahan SPM di Malaysia, yang sebelum ini diterima untuk kemasukan ke matrikulasi, membezakannya daripada banyak negara Asia lain seperti China, Jepun dan Korea Selatan, di mana kemasukan universiti bergantung pada skor atau peratusan tanpa menggunakan gred huruf. Sebaliknya, negara-negara seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Australia mengiktiraf A- sebagai gred cemerlang dalam pengiraan PNGK dan kemasukan ke universiti. Taiwan dan Thailand juga menerima penggunaan A- dalam sistem mereka.

Di peringkat antarabangsa, tiada sistem pendidikan yang membezakan secara terpilih antara A-, A dan A+, dengan menggunakan A- untuk sesetengah tujuan tetapi mengecualikannya untuk tujuan lain. Di negara-negara yang menggunakan sistem

¹² <https://www.scholaro.com/db/Countries/thailand/Grading-System>

¹³ <https://www.crimsoneducation.org/uk/blog/a-levels-grades/>

¹⁴ <https://smiletutor.sg/the-university-admission-score-calculating-your-rank-points/>

¹⁵ https://www.eol.cn/e_html/gk/fsx/index.shtml

¹⁶ <https://www.southkoreaeducation.info/tests/higher-education-tests/college-scholastic-ability-test-in-south-korea.html>

¹⁷ <https://study.anu.edu.au/apply/indicative-entry-requirement/japanese-national-center-test-university-admissions>

gred huruf termasuk A-, seperti Amerika Syarikat, Kanada, Taiwan dan Thailand, A- sentiasa dianggap sebagai sebahagian daripada julat 'A' dalam pengiktirafan akademik, kelayakan biasiswa, dan kemasukan universiti. Tidak pernah diketahui terdapat sesuatu sistem menolak pelajar A- dari laluan merit secara retrospektif, tetapi masih mengira A- sebagai gred 'cemerlang' dalam transkrip dan komunikasi rasmi.

Penggunaan definisi baharu di Malaysia, yang mengecualikan A- untuk kemasukan matrikulasi tetapi mengekalkannya dalam konteks lain, menunjukkan perubahan dasar yang merosakkan kredibiliti dan keadilan di mata pelajar, ibu bapa serta komuniti akademik diperingkat antarabangsa.

Langkah terkini Kementerian Pendidikan (KPM) untuk mengecualikan A- daripada kategori Gred A berbeza daripada amalan sistem pendidikan global dan berpotensi menjejaskan pelajar serta mewujudkan ketidakselarasan dengan norma pemarkahan global yang digunakan dalam kemasukan ke institusi pendidikan tinggi.

Pengecualian Pelajar Berprestasi Tinggi 9 A+

Walaupun isu pengecualian A- daripada Gred A telah menjadi tumpuan utama, namun terdapat satu lagi kelemahan dasar yang ketara dalam sistem kemasukan program matrikulasi kerajaan yang wajar diberi perhatian segera iaitu pengecualian berterusan pelajar yang memperoleh keputusan 9 A+, atau keputusan penuh A+ bagi semua mata pelajaran yang diambil.¹⁸

Pelajar-pelajar ini mewakili tahap kecemerlangan akademik tertinggi dalam sistem SPM, yang diklasifikasikan sendiri oleh KPM sebagai "Cemerlang Tertinggi." Bagi calon yang mengambil 9 mata pelajaran, iaitu bilangan mata pelajaran yang lazim diambil oleh seseorang pelajar, pencapaian 9A+ merupakan manifestasi jelas bagi prestasi akademik unggul.

Namun, dalam pengumuman kemasukan ke program matrikulasi bagi tahun 2024 dan 2025, pelajar ini tidak lagi diberikan tempat dalam program matrikulasi secara automatik, melainkan mereka memenuhi ambang minimum 10A.

¹⁸ <https://www.thestar.com.my/news/education/2024/07/07/auto-admission-for-9a-students-please>

Pengecualian ini menghantar mesej yang membimbangkan bahawa walaupun pelajar-pelajar ini telah menunjukkan prestasi luar biasa, namun mereka masih tidak diiktiraf hanya kerana tidak mengambil 10 mata pelajaran atau lebih.

Implikasi daripada perkara ini adalah serius seperti:

1. Moral pelajar cemerlang terjejas apabila mereka melihat keputusan cemerlang mereka diabaikan disebabkan oleh definisi teknikal dasar semasa.
2. Kecenderungan dasar yang menghukum pelajar kerana pelajar yang lebih mengutamakan kualiti penguasaan mata pelajaran berbanding kuantiti.
3. Kemungkinan berlakunya '*brain drain*', kerana pelajar cemerlang ini mungkin semakin cenderung memilih program pra-universiti antarabangsa atau berhijrah ke luar negara bagi mendapatkan pengiktirafan dan peluang yang lebih baik.

Kelemahan dasar ini melemahkan prinsip meritokrasi yang telah dijanjikan oleh Kerajaan agar dipelihara. MCA menggesa Kementerian Pendidikan supaya segera mengkaji semula pengecualian ini dan meluaskan kelayakan matrikulasi automatik kepada pelajar yang memperoleh keputusan A+ dalam semua mata pelajaran yang diambil, tanpa mengira sama ada mereka mengambil 9 atau 10 mata pelajaran.

Pendirian MCA Terhadap Perubahan Pemarkahan

MCA dengan tegas menolak pengecualian A- sebagai Gred A atas sebab-sebab berikut:

1. Tidak Adil dan Bersifat Retroaktif

Pelajar yang menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2024 melakukannya dengan kefahaman bahawa A-, A dan A+ semuanya tergolong dalam kategori "Cemerlang." Pendefinisian semula secara tiba-tiba ini, yang dilaksanakan selepas peperiksaan SPM 2024 selesai, melanggar prinsip tadbir urus berasaskan peraturan.

2. Tiada Justifikasi Akademik Diberikan

Tiada penjelasan psikometrik, pedagogi atau statistik yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyokong perubahan ini. Pengecualian ini

kelihatan didorong oleh pertimbangan pentadbiran semata-mata, bukannya berdasarkan penyelidikan pendidikan atau logik.

3. Percanggahan Dalam

Dokumen rasmi Kementerian sendiri, yang dikeluarkan tidak lama sebelum pekeliling itu, masih mengklasifikasikan A- sebagai gred “Cemerlang”.

4. Pelanggaran Kepercayaan Awam

Apabila pihak berkuasa pendidikan membuat perubahan mendadak tanpa rundingan atau penjelasan, ia menghakis kepercayaan dalam kalangan pelajar, ibu bapa dan pendidik.

MCA berpendapat bahawa keputusan ini mesti dibatalkan dan sebarang perubahan masa depan kepada klasifikasi gred perlu melalui rundingan awam dan semakan pakar.

Implikasi Utama

1. Kesan Terhadap Sistem Pendidikan Negara

Ribuan pelajar berprestasi tinggi yang memperoleh 10A, termasuk A-, terjejas. Mereka kini dinafikan kemasukan ke program matrikulasi dan biasiswa berkaitan. Ramai yang kini terpaksa mempertimbangkan laluan pra-universiti alternatif seperti STPM, A-Level atau kursus asasi swasta yang lebih mahal. Ini menjejaskan perjalanan pendidikan mereka dan melambatkan kemasukan ke universiti.

2. Kesan Emosi dan Psikologi

Laporan daripada pelajar dan pendidik melahirkan kekecewaan, kehilangan motivasi dan tekanan emosi. Pelajar yang sebelum ini diraikan sebagai pencapaian terbaik di sekolah kini diberitahu bahawa prestasi mereka tidak mencukupi untuk kemasukan ke program matrikulasi, hanya kerana satu langkah pentadbiran dan perubahan teknikal yang tidak pernah dimaklumkan kepada mereka.

3. Implikasi Etnik

Kesan dasar ini melangkaui isu kaum. Walaupun terdapat persepsi umum bahawa peluang bagi pelajar bukan Bumiputera bakal terhad, hakikatnya pelajar Bumiputera yang cemerlang juga turut terjejas.

Perubahan dasar secara mendadak untuk mengecualikan pelajar yang mendapat Gred A- memberi kesan kepada semua pelajar tanpa mengira kaum, terutamanya mereka dari isi rumah B40 dan M40 yang bergantung kepada kestabilan dan keadilan sistem pendidikan awam untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Dalam pelaksanaan, memang diketahui umum dan rakyat Malaysia menerima hakikat bahawa selama ini pelajar Bumiputera mempunyai peluang alternatif yang lebih luas seperti program asas UiTM , program pra-universiti ASASI di universiti awam dan program tajaan MARA yang lain. Namun bagi pelajar bukan Bumiputera, program matrikulasi kekal sebagai salah satu pilihan yang terhad dan sangat kompetitif.

Realitinya, terdapat persaingan yang sengit untuk tempat yang terhad dalam program matrikulasi dan ramai pelajar bukan Bumiputera yang bergantung kepada laluan ini. Merampas kelayakan tanpa sebarang amaran awal memberi kesan yang tidak seimbang terhadap kumpulan ini.

Ini juga menimbulkan persoalan kritikal: Adakah pengecualian Gred A- daripada kategori Gred A hanya terpakai untuk pengambilan automatik ke program matrikulasi tahun ini sahaja, dan adakah pendefinisian semula ini turut menjejaskan pengumuman 10A oleh YAB Timbalan Perdana Menteri untuk kemasukan ke program MARA?

Jika ya, maka adalah sangat tidak adil sekiranya pendefinisian semula gred ini turut diperluaskan dan digunakan dalam kriteria kemasukan selain daripada Kolej Matrikulasi KPM & permohonan biasiswa kerajaan yang lain, tanpa penjelasan yang meyakinkan.

Jika perubahan dasar ini terpakai kepada semua, implikasinya adalah sangat besar dan memberi kesan kepada semua pelajar tanpa mengira kaum.

Jika tidak, implikasi daripada perubahan dasar sebegini adalah jauh lebih membimbangkan dan mengundang persoalan tentang niat sebenar di sebaliknya.

4. Kredibiliti Institusi Pendidikan

Cara dasar ini dikendalikan secara tidak telus telah mengurangkan kepercayaan terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia, sistem peperiksaan kebangsaan dan tadbir urus pendidikan negara. Ia juga boleh mempercepatkan penghijrahan ke arah sistem pensijilan swasta dan antarabangsa seperti International General Certificate of Secondary Education (IGCSE), yang akhirnya menjejaskan keyakinan terhadap pendidikan awam.

5. Tindak Balas Awam dan Masyarakat Sipil

Kumpulan masyarakat sivil, NGO pendidikan dan pemimpin politik rentas parti telah menyuarakan kebimbangan. Persatuan Belia Baharu Universiti Malaya (UMANY)¹⁹, Majlis Bahasa Cina Malaysia²⁰, Jawatankuasa Perundingan Pendidikan MCA²¹, Pemuda MCA²² malah Senator MIC²³ telah bersuara menentang ketidakadilan dan ketiadaan akauntabiliti ini. Keengganan Menteri Pendidikan untuk memberi respon hanya memburukkan lagi rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat.

Pendirian MCA

1. Integriti Kecemerlangan

A- sentiasa diklasifikasikan sebagai cemerlang. Pendefinisian semula tanpa justifikasi mempersoalkan integriti dan merit kecemerlangan.

¹⁹ https://www.chinapress.com.my/20250509/spm-a-%E4%B8%8D%E6%98%AF-a-%E5%BD%B1%E5%93%8D10a%E7%94%9F%E8%BF%9B%E5%A4%A7%E5%AD%A6/#google_vignette

²⁰

<https://www.chinapress.com.my/20250512/%E6%96%B0%E9%A2%84%E7%A7%91%E7%8F%AD%E6%8B%9B%E7%94%9F%E6%9D%A1%E4%BB%B6%EF%BD%9C%E7%8E%8B%E9%B8%BF%E8%B4%A2%EF%BC%9Aa-%E4%B8%8D%E8%AE%A1%E7%AE%97%E4%B8%BAa-%E4%B8%A5%E9%87%8D%E5%8E%8B%E7%BC%A9/>

²¹ http://www.mca.org.my/1/Content/SinglePage?_param1=14-052025-199168-05-202514&_param2=TS

²² <https://www.sinchew.com.my/news/20250514/nation/6532627>

²³ <https://www.sinarharian.com.my/article/728674/berita/nasional/tak-adil-jika-gred-a-a--dalam-spm-dianggap-tidak-cukup-cemerlang---senator-sivarraajh>

2. Kegagalan Sistem

Daripada mengurangkan bilangan pengambilan melalui penapisan teknikal, Kerajaan sepatutnya memperluaskan kapasiti atau memperkenalkan mekanisme kemasukan berperingkat.

3. Kelemahan Tadbir Urus

Tekanan belanjawan tidak seharusnya mengakibatkan pemotongan kelayakan secara mengejut yang menjejaskan pelajar.

4. Kesilapan Penyelesaian

Jika permintaan terhadap angka pengambilan automatik meningkat disebabkan lonjakan prestasi pelajar, kaji mendalam dan lakukan pembaharuan dahulu serta menambah tempat tawaran matrikulasi. Jangan pula mengubah takrifan kejayaan akademik SPM selepas keputusan diumumkan. Ianya sangat tidak adil dan merupakan kesilapan moral untuk mengklasifikasikan semula A- dan menyingkirnya daripada kategori “cemerlang”, demi menyelesaikan isu yang berlainan.

Cadangan MCA

1. Langkah Segera

- a. Menteri Pendidikan digesa mengeluarkan kenyataan rasmi dan menjelaskan pekeliling KPM bertarikh 30 April 2025 seperti yang didakwa.
- b. Kementerian Pendidikan Malaysia mesti ada satu pendirian yang konsisten dalam pendefinisian gred dan pemarkahan yang tidak boleh berubah sewenang-wenangnya mengikut kesesuaian.
- c. Jelaskan sama ada perubahan ini turut dipakai dalam penilaian dan kriteria pengambilan program ASASI atau mana-mana program pendidikan pra-universiti yang dibiayai kerajaan.
- d. Jelaskan sama ada pendefinisian baharu ini hanya terpakai untuk SPM 2024 atau akan diteruskan untuk sesi-sesi peperiksaan yang akan datang.
- e. Pulihkan A- sebagai sebahagian daripada jalur Gred A untuk semua calon SPM 2024.

2. Sokongan untuk Pelajar yang Terjejas

- a. MCA akan melancarkan saluran aduan dalam talian untuk pelajar dan keluarga mereka.
- b. Bantuan guaman akan disediakan untuk semakan kehakiman terhadap perubahan dasar retroaktif.
- c. Sesi 'town hall' dan dialog akan diadakan di seluruh negara.

3. Perlindungan Institusi

- a. Memperkenalkan undang-undang yang memerlukan rundingan awam untuk sebarang perubahan dasar pemarkahan.
- b. Menubuhkan panel semakan akademik bebas di bawah Kementerian Pendidikan.
- c. Kementerian Pendidikan mesti mengadakan rundingan terlebih dahulu dan keputusan tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa atau secara ad-hoc.

4. Reformasi Pendidikan Lebih Luas

- a. Memastikan ketelusan dan konsistensi dalam keputusan biasiswa dan penempatan pelajar.
- b. Perlu melihat kepada reformasi yang lebih menyeluruh, seperti sistem peperiksaan dan penggredan yang mencerminkan ketelusan serta keadilan yang lebih tinggi, termasuk pengubahsuaian dan penambahbaikan secara menyeluruh.

Kesimpulan: Menegakkan Meritokrasi dan Keadilan

Pengecualian A- daripada Kategori Gred A dalam SPM 2024 bukan sekadar perubahan teknikal, tetapi merupakan satu keputusan yang telah menjejaskan keyakinan ribuan pelajar daripada pelbagai latar belakang dan etnik, terutamanya mereka yang mempercayai kemajuan berdasarkan merit. Keputusan ini juga mencerminkan isu yang lebih luas berkaitan komunikasi dan pelaksanaan dasar pendidikan.

MCA berdiri teguh bahawa dasar pendidikan tidak boleh ditentukan oleh jalan pintas pentadbiran atau pengiraan politik. Kita mesti memulihkan integriti kepada sistem penilaian negara dan memastikan semua pelajar, tanpa mengira kaum atau latar belakang, dilayan dengan adil dan bermaruah.

MCA mendesak Kementerian Pendidikan agar segera memberi penjelasan mengenai rasional di sebalik perubahan dasar yang drastik ini serta menerangkan implikasi jangka panjangnya terhadap kemasukan pelajar. Ketelusan dan konsistensi mesti menjadi prinsip panduan dalam semua dasar pendidikan yang akan datang.

Kertas Pendirian ini membuktikan komitmen MCA terhadap akauntabiliti pendidikan. Sebagai sebuah parti yang telah lama berdedikasi untuk mempertahankan hak pelajar Malaysia, MCA akan terus bersuara, mengatur dan bersama menggubal undang-undang untuk melindungi aspirasi setiap anak muda Malaysia.

Masa untuk bertindak adalah sekarang.

//TAMAT